

Headline	LHDNM tawar program khas Pengakuan Cukai Secara Sukarela		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Sep 2019	Language	Malay
Section	Nasional	Color	Full Color
Page No	9	ArticleSize	779 cm ²
AdValue	RM 16,515	PR Value	RM 49,544

LHDNM tawar program khas Pengakuan Cukai Secara Sukarela



Inisiatif galak pembayar cukai tampil isytihar pendapatan, bayar dengan mudah serta pengenaan penalti minimum



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM (Pematuhan), YBhg. Dato' Abdul Manap Dim

Kementerian Kewangan menerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) memperkenalkan Program Khas Pengakuan Cukai Secara Sukarela bagi melakukan reformasi percukaian untuk menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela mengisytiharkan pendapatan serta meningkatkan kutipan cukai untuk pembangunan negara.

Pembayar cukai berpeluang melakukan pengakuan secara sukarela dengan cara mudah dan pengenaan penalti yang minimum.

Program Khas Pengakuan Cukai Secara Sukarela diperkenalkan menerusi pembentangan Bajet 2019 pada 2 November 2018 dan berkuat kuasa serta merta bermula 3 November 2018 sehingga 30 September 2019.

Program itu merangkumi melaporkan pendapatan yang belum/kurang dilaporkan, perbelanjaan terlebih tuntut/tidak dibenarkan dan pelepasan/potongan/rebat terlebih tuntut; melaporkan keuntungan pelupusan aset (harta tanah dan saham dalam syarikat harta tanah); dan penyeteraman surat cara yang belum disetern.

Selain Malaysia, program seperti ini turut dilaksanakan di beberapa negara lain antaranya Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Jepun, Singapura dan Indonesia.

Siapa yang layak?

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM (Pematuhan), YBhg. Dato' Abdul Manap Dim: Pembayar cukai yang layak membuat pengakuan sukarela dalam program khas itu adalah mereka yang tidak pernah berdaftar dengan LHDNM, pembayar cukai berdaftar dengan LHDNM tetapi belum mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) / Borang Nyata Petroleum (BNP) / Nyata Cukai Keuntungan Harta Tanah (BNCKHT) bagi

mana-mana tahun taksiran, pembayar cukai yang mengemukakan BNCP / BNP / BNCKHT tetapi tidak melaporkan maklumat pendapatan/keuntungan pelupusan aset dengan betul bagi mana-mana tahun taksiran atau pembayar cukai yang belum membuat penyeteraman surat cara melebihi enam bulan dari tempoh penyeteraman (30 hari dari tarikh surat cara disempurnakan).

Pengakuan sukarela juga boleh berdasarkan tahun taksiran pendapatan itu diterima/sepertutnya diterima iaitu Tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran ke belakang bagi semua pembayar cukai dan Tahun Taksiran 2018 bagi syarikat yang mempunyai tempoh perakuan berakhir 31 Januari 2018, 28 Februari 2018 dan 31 Mac 2018.

Tawar kadar penalti lebih rendah

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM (Pematuhan), YBhg. Dato' Abdul Manap Dim: Pembayar cukai digalakkan untuk mengambil peluang sepanjang tempoh program khas pengakuan cukai sukarela itu kerana penalti yang dikenakan lebih rendah berbanding kadar sedia ada.

Tempoh pengakuan cukai sukarela dari 3 November 2018 sehingga 30 Jun 2019 adalah sebanyak 10 peratus dan bagi tempoh dari 1 Julai 2019 ke 30 September 2019 kadar penalti dikenakan ialah sebanyak 15 peratus.

Bagaimanapun selepas tempoh program khas itu tamat, kadar penalti lebih tinggi akan dikenakan iaitu mengikut Subseksyen 112(3) ACP/ Subseksyen 51(3) APCP/Subseksyen 29(3) ACKHT sebanyak 45 peratus.

Kadar penalti minimum berjumlah 45 peratus juga dikenakan di bawah Subseksyen 113(2) ACP/ Subseksyen 52(2) APCP/ Subseksyen 30(2) ACKHT, manakala untuk Subseksyen 47A(1) AS ia bergantung atas duti kurang dibayar.

Pengenaan penalti adalah bergantung kepada polisi dan dasar kerajaan semasa dan dibuat untuk berlaku adil kepada pembayar cukai lain yang selama ini mematuhi peraturan percukaian.

Dalam pada itu, LHDNM menegaskan bahawa program khas seumpama ini tidak akan dilaksanakan pada masa depan.

Kaedah pengakuan cukai sukarela yang perlu dilakukan

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM (Pematuhan), YBhg. Dato' Abdul Manap Dim: Bagi pembayar cukai yang tidak pernah berdaftar dengan LHDNM, mereka perlu membuat pendaftaran nombor cukai pendapatan terlebih dahulu dan mengemukakan BNCP/BNP/BNCKHT bagi tahun taksiran berkaitan dalam tempoh program khas sama ada secara e-filing/e-lodgement atau manual.

Pembayar cukai boleh membuat pendaftaran fail cukai pendapatan di semua kaunter perkhidmatan

(Ibu Pejabat/ Cawangan/ PKH/ UTC/PPM), di mana mereka perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri atau dokumen berkaitan (sila rujuk Portal Rasmi LHDNM); atau secara dalam talian melalui e-Daftar iaitu bagi syarikat dan individu sahaja.

Bagi pembayar cukai yang berdaftar tetapi belum mengemukakan BNCP/BNP/BNCKHT pula, mereka perlu mengemukakan BNCP bagi tahun taksiran berkaitan secara e-filing atau manual.

Pembayar cukai yang mengemukakan BNCP tetapi tidak melaporkan pendapatan/keuntungan pelupusan aset dengan betul boleh membuat pengakuan secara bertulis melalui surat atau e-mel.

Jangan sia-siakan bulan terakhir sebelum program berakhir

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM (Pematuhan), YBhg. Dato' Abdul Manap Dim: Bagi pembayar cukai yang masih culas dalam melapor dan membayar cukai pendapatan, mereka diminta memanfaatkan peluang pada saat-saat akhir ini dan segera tampil membuat pengakuan cukai secara sukarela.

Pembayaran cukai menerusi program khas ini boleh dilakukan sebelum atau pada 1 Oktober 2019 dan program ini secara asasnya, mensyaratkan pembayar cukai melaporkan pendapatan yang tertinggal dengan sepenuhnya dan membuat bayaran dalam tempoh ditetapkan.

Pembayar cukai yang gagal menjelaskan baki cukai pada akhir tempoh yang ditetapkan, kenaikan cukai akan dikenakan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa dan jika tunggakan cukai tidak dibayar dalam tempoh ditetapkan tindakan mahkamah boleh diambil.

Di mana pengakuan cukai sukarela boleh dibuat?

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM (Pematuhan), YBhg. Dato' Abdul Manap Dim: Pembayar cukai boleh membuat pengakuan sukarela di mana-mana pejabat LHDNM di seluruh Malaysia termasuk Pusat Khidmat Hasil dan Pusat Transformasi Bandar (UTC). Pembayar cukai juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pegawai LHDNM di mana-mana cawangan atau boleh menghubungi pejabat LHDNM berdekatan:
Hasil Care Line LHDNM di talian: 1-800-88-5436 atau 603 8911 1100 (Luar Negara), selain e-melkan ke: pengakuan@sukarela@hasil.gov.my

Melalui Program Khas Pengakuan Sukarela ini, kadar penalti yang dikenakan adalah lebih rendah berbanding kadar penalti sedia ada seperti berikut:

Tempoh Pengakuan Sukarela:	03/11/2018 – 30/06/2019
Kadar Penalti:	10%
Tempoh Pengakuan Sukarela:	01/07/2019 – 30/09/2019
Kadar Penalti:	15%

Kadar penalti yang lebih tinggi akan dikenakan selepas tempoh program khas:

Subseksyen 112(3) ACP	Subseksyen 113(2) ACP
Subseksyen 51(3) APCP	Subseksyen 52(2) APCP
Subseksyen 29(3) ACKHT	Subseksyen 30(2) ACKHT
Kadar minimum: 45%	Kadar minimum: 45%

Peraturan bayaran bagi cukai yang telah dilaporkan untuk Program Khas ini adalah seperti berikut:

Tempoh Pengakuan Sukarela:	1/07/2019 – 30/09/2019
Bayaran Sebelum atau Pada:	1/10/2019